



Majlis Amanat
Naib Canselor
2013

*"Bersama Membina
Masa Depan Gemilang"*

26 Jun 2013 D'TAR ULTRA, NMAS



AWAL BICARA

Terlebih dahulu, izinkan saya menzahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka dapat kita bersama pada pagi yang berbahagia ini bersempena Majlis Amanat Naib Canselor Tahun 2013. Majlis Amanat ini memberi peluang kepada kita untuk berhimpun sebagai satu keluarga besar, selain memberi peluang kepada saya berkongsi hala tuju UNIMAS agar dapat bergerak di atas landasan yang sama dalam usaha menggapai matlamat yang digariskan.

Dalam kesempatan sulung ini dan sebelum saya bermula, ingin saya menyebut secara jelas bahawa kegemilangan selama 20 tahun UNIMAS akan diteruskan. Mengurus dan mentadbir UNIMAS telah dilakukan oleh beberapa pemimpin sebelum ini dan saya memegang semangat bahawa jika tiada pemimpin terdahulu maka UNIMAS tidak akan berada pada tahap kegemilangannya pada hari ini. Justeru saya ingin mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Pengurus dan ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Dekan serta Pengarah yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuh komitmen dan dedikasi. Usaha yang tidak mengenal lelah insan-insan berjasa yang dinyatakan serta disokong seluruh warga kerja Universiti, dari hari pertama penubuhan sehingga memacu UNIMAS ke tahap hari ini,

memerlukan usaha dan pengorbanan yang tiada tolok bandingnya demi memastikan UNIMAS terus bersaing di peringkat tertinggi.

Sebagai antara generasi awal perintis UNIMAS, saya bersyukur kerana berpeluang menyemai benih khidmat sejak awal penubuhan Universiti sehingga tahun 2003. Detik-detik itu sudah berlalu namun ada ketikanya "hati terkenang mulut menyebut", tidak lain mencerminkan betapa eratnya UNIMAS dalam hati sanubari ini.

Menerima watikah pelantikan untuk memegang amanah baharu sebagai tumpuk kepimpinan Universiti bukanlah tugas yang mudah. Setiap dari kita di sini berperanan sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab secara langsung sebagai satu pasukan dalam mencorakkan masa hadapan Universiti. Sedikit pengalaman dan kepakaran yang ada pada diri ini akan dimanfaatkan sebaiknya demi membina UNIMAS ke arah pemantapan dan pengukuhan operasinya serta menyahut cabaran sektor pengajian tinggi yang semakin kompleks.

Kementerian Pengajian Tinggi yang kini dikenamakan semula sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia, terus menjunjung aspirasi negara dan falsafah pendidikan selaras dengan Misi Nasional untuk meningkatkan keupayaan serta daya saing negara dan memupuk minda kelas pertama ke arah mencapai Wawasan 2020 sebagaimana yang dihasratkan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

MENERUSKAN PELAN STRATEGIK UNIMAS 2015

UNIMAS telah mengorak langkah yang jauh bermula dengan penghasilan, "The Tree Book" yang menggariskan pembangunan UNIMAS dari 1992-2005, hingga menuju ke Pelan Strategik 2011-2015. Kini sudah tiba masanya untuk kita mengukur dan membuat semakan serta pengubahsuaian yang perlu dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Perubahan terbesar yang perlu diberi penumpuan ialah aspirasi UNIMAS untuk menjadi sebuah Universiti Penyelidikan menjelang 2015. Semakan kepada PSPTN, sedang giat dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan terdapat ketidakpastian (uncertainty) berkaitan dengan status Universiti Penyelidikan (RU). Lanjutan daripada itu, Pengurusan Universiti telah mengambil keputusan untuk tidak memberi tumpuan kepada hasrat untuk menjadi RU pada tahun 2015. Namun kita tetap akan membudayakan penyelidikan dalam konteks UNIMAS sebagai sebuah Universiti komprehensif serta usaha untuk membantu dan menyumbang kepada Sarawak Corridor of Renewal Energy (SCORE).

MEMPERKASA PEGURUSAN & TADBIR URUS UNIVERSITI

Universiti beruntung kerana mempunyai **barisan Lembaga Pengarah Universiti** yang sentiasa menyokong, mendukung dan memberikan pandangan bagi membolehkan Universiti bergerak maju ke hadapan di samping menitikberatkan soal pelaksanaan yang

berpegang kepada konsep ketelusan, integriti dan akauntabiliti demi kesejahteraan serta pembangunan yang berterusan.

Warga UNIMAS tergolong dalam **sebuah pasukan** dan setiap anggota, unit, bahagian atau fakulti di Universiti adalah saling melengkap, saling menyokong dan saling memerlukan. Justeru semua bahagian tidak boleh mengasingkan dan memisahkan "dirinya" dengan bahagian lain. Sebaliknya, kita perlu saling bekerjasama, bagai aur dengan tebing.

Saya ingin melihat wujudnya **komitmen yang jitu** di kalangan semua staf UNIMAS dalam usaha mencapai visi, misi dan matlamat bersama. Kita semua perlu menjadi teladan dan mempamerkan komitmen yang tinggi kepada prinsip tadbir urus yang baik dan cekap demi memastikan kelancaran operasi Universiti. Untuk itu, kita akan:

- i. Memperkasa tadbir urus dan pengurusan UNIMAS **secara holistik**;
- ii. Memberikan penekanan kepada pengurusan sumber manusia yang **cekap dan kompeten**;
- iii. **Menyemai dan meningkatkan keyakinan** staf, pelajar, alumni dan pemegang taruh (*stakeholder*) terhadap keupayaan Pengurusan Universiti untuk melaksanakan dasar dan hala tuju Universiti seperti yang telah dirancang di samping mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian pengurusan; dan

- iv. Mengenal pasti dan menyemak semula fungsi dan bidang kuasa jawatankuasa-jawatankuasa **UNIMAS** sedia ada bagi memastikan setiap jawatankuasa berupaya memainkan peranan penting dalam membantu pihak pengurusan UNIMAS ke arah pembuatan serta perlaksanaan keputusan yang cekap dan berkesan.

Dari aspek pengurusan kewangan, UNIMAS telah diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang berjaya menguruskan pengurusan kewangan dengan cemerlang di mana UNIMAS telah berjaya menduduki **tempat ke-7 di kalangan IPTA untuk Indeks Akauntabiliti**. Pencapaian tersebut merupakan satu petunjuk kepada kecekapan dan kebolehpercayaan kita dalam pengurusan kewangan Universiti. Lonjakan pemikiran perlu dalam membuat peralihan daripada perbelanjaan yang mengukur output dan prestasi perbelanjaan kepada aspek *outcome* atau impak keberhasilan.

Dalam meneruskan momentum kecemerlangan yang dicapai, pengurusan kewangan hendaklah dilaksanakan secara berintegriti bagi memastikan perbelanjaan yang dilakukan berasaskan prinsip **value for money** serta penggunaan sumber kewangan digunakan secara berkesan dan optimum. Bagi mencapai hasrat itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu merangka serta mengambil pendekatan yang holistik supaya pelaksanaan sesuatu program

atau aktiviti mencapai objektif tanpa pembaziran serta memberi manfaat yang optimum kepada UNIMAS. Oleh itu, bermula serta merta, **semua Dekan Fakulti dan Pengarah Pusat yang berkaitan akan dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Universiti.**

Dalam menyahut saranan kerajaan agar IPTA menjana pendapatan sekurang-kurangnya 30% dari Anggaran Belanjawan Mengurus Tahunan, Universiti telah mewujudkan unit baru iaitu **Unit Penjanaan Pendapatan** di Pejabat Bendahari. Unit ini akan berfungsi untuk menyelaras serta mengendalikan urusan berkaitan endowmen dan aspek berhubung penjanaan hasil melalui sewaan kemudahan Universiti dan produk kewangan yang boleh memberi pulangan hasil kepada Universiti. Bagi mendorong penglibatan daripada semua Pusat Tanggungjawab ke arah '*Business Engagement*', **garis panduan pembukaan akaun enterprise** sedang dirangka untuk memberi manfaat kepada pihak Universiti dan PTJ melalui kaedah "*profit-sharing*".

Kita akan sentiasa berusaha untuk melahirkan staf berkualiti tinggi yang mengamalkan budaya kerja yang cemerlang. Kita perlu menyemai rasa bangga kepada Universiti kerana dengan sifat demikian ianya akan membantu memperkuuhkan rasa kekitaan dan sayang

kepada UNIMAS. **Majlis Bersama Jabatan (MBJ)** akan diperkuuhkan dengan menjadikan ia sebagai satu platform komunikasi dua hala yang efektif di antara staf dan pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea bernes demi menambahbaik perkhidmatan dan kebajikan staf UNIMAS.

Saya percaya kepada peranan yang dimainkan oleh Persatuan Pegawai Akademik UNIMAS (PPAU), Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) dan Kesatuan Kakitangan Am UNIMAS (KESAUMAS) dalam membawa suara staf dan pada masa yang sama bekerja bersama-sama pihak Pengurusan. Sebagai permulaan, bagi menyokong aktiviti dan program persatuan dan kesatuan rasmi staf, Universiti telah bersetuju untuk menyalurkan **sumbangan geran berjumlah RM10,000 setahun bagi setiap Persatuan dan Kesatuan Staf UNIMAS termasuk MASNITA bermula pada tahun ini.**

INOVASI DAN KUALITI

Pada tahun 2012, **e-Prestasi (Akademik)**, sebuah sistem penilaian atas talian yang dihasilkan secara *in-house* hasil kerjasama di antara Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia dan Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah **disenarai pendek ke peringkat akhir Anugerah Inovasi Kementerian Pengajian**

Tinggi (AIKPT) 2012. Ini merupakan contoh terbaik kepada bagaimana inovasi dan kerjasama erat antara jabatan mampu untuk pergi lebih jauh jika dikolaborasikan bersama dengan teratur dan bijak bagi menggalakkan budaya inovasi. **Lebih banyak kerjasama pintar antara jabatan di Universiti akan dilaksanakan** bagi meneruskan momentum yang sama pada masa hadapan.

UNIMAS telah diiktiraf oleh *QS Asian University Rankings 2013* dengan menduduki tangga **ke-181 daripada 500 Universiti di Asia dan di kedudukan ketujuh di Malaysia**. Kedudukan tersebut dilihat sebagai satu proses pembelajaran kepada UNIMAS untuk kita menyingkap dan menyemak semula apakah kekuatan dan kelemahan di pihak Universiti. Kita akan mengambil tindakan yang perlu dan mengkaji semula langkah-langkah untuk memantapkan lagi pelaksanaan pendekatan-pendekatan kualiti yang ditambahbaik bagi memenuhi kriteria-kriteria dan halatuju yang perlu dicapai untuk memastikan UNIMAS sentiasa ke hadapan.

Selain itu juga, bagi pencapaian **SETARA'11, UNIMAS telah mencapai Tier 4**. Kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian tersebut kerana lanskap pendidikan tinggi semasa memerlukan Universiti untuk menunjukkan pencapaian yang cemerlang secara berterusan dan berazam untuk meningkatkan lagi pencapaian tersebut. Adalah menjadi sasaran utama UNIMAS pada masa yang akan datang untuk memastikan **Tier 5 sebagai sasaran utama**.

Universiti bagi menjadikan UNIMAS berdiri sama tinggi seiring dengan IPT-IPT terbaik yang lain di rantau ini.

Pada tahun 2013 juga, UNIMAS telah menempa sejarah apabila dianugerahkan **anugerah BID Century International Quality ERA Award yang diadakan di Geneva**. Penerima anugerah berprestij ini diiktiraf sebagai antara organisasi dari seluruh dunia yang membudayakan kecemerlangan dan inovasi sebagai keutamaan serta meletakkan kualiti sebagai asas kepada semua tahap dalam organisasi. Dengan pengiktirafan tersebut, meletakkan UNIMAS sebaris dengan penerima-penerima lain sebelumnya seperti Wal-Mart Stores, syarikat kedudukan pertama dalam Fortune Global 500 List, Tata Group, sebuah konglomerat utama India, Korea Electric Power Corporation (KEPCO).

MENCERAHKAN VISIBILITI

Bagi memastikan UNIMAS terus menyerlah dan mendapat perhatian daripada masyarakat luar, fokus akan ditumpukan kepada perubahan dalam pengurusan imej korporat dan visibiliti UNIMAS di mata masyarakat luar. Sehubungan itu, **Pejabat Perhubungan di kawasan Lembah Kelang akan diwujudkan** bagi membantu memperkuuh jaringan UNIMAS dengan pihak luar, masyarakat dan industri. Selain itu, Pejabat berkenaan akan

berfungsi sebagai Pusat Pengajaran-Pembelajaran untuk Program Pascasiswazah dan Pendidikan Sepanjang Hayat yang akan ditawarkan di Semenanjung Malaysia

Sebuah **Pusat Pembelajaran Bersepadu** akan dibina di Sibu yang menyediakan kemudahan lengkap pengajaran-pembelajaran, kolej kediaman, bilik kuliah, perpustakaan, pejabat pentadbiran dan kemudahan sukan serta rekreasi. Dengan adanya kemudahan bersepadu maka diharap operasi UNIMAS di Sibu akan dapat menyumbang kepada peningkatan penawaran program pascasiswazah dan Pembelajaran Sepanjang Hayat selain menyediakan kemudahan kondusif untuk pelajar-pelajar program Perubatan dan Sains Kesihatan yang menjalani latihan klinikal di Sibu.

Dalam memastikan daya saing berterusan dan peningkatan kualiti siswazah dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan, keperluan untuk mempunyai kemudahan **Hospital Pengajar** merupakan satu keutamaan. Dengan terbinanya kemudahan tersebut kelak, UNIMAS akan mampu menarik lebih ramai tenaga pakar perubatan, menyediakan prasarana terbaik dalam melatih bakal doktor perubatan selain mampu menyediakan khidmat perubatan dan kesihatan kepada masyarakat. Pihak Universiti sedang dalam proses perbincangan awal bagi **membangunkan Hospital Pengajar UNIMAS**. Hasrat untuk mempunyai Hospital Pengajar akan diberikan keutamaan oleh Pengurusan UNIMAS bagi memastikan perancangan dapat

direalisasikan dengan sokongan dan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan sokongan penuh yang bakal diperolehi, maka diyakini perancangan pembangunan Hospital Pengajar UNIMAS akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat.

Untuk memperkuatkan kedudukan dan visibiliti UNIMAS sebagai peneraju utama sumbangan R&D kepada SCORE dan juga mengambil kesempatan dari pembangunan pesat industri di kawasan pembangunan SCORE, **Pusat Penyelidikan UNIMAS, Mukah** akan dibina di atas tapak tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pusat penyelidikan yang memberikan penumpuan kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan berkaitan dengan sumber asli dan tenaga boleh diperbaharu akan menjadi sebuah hub penyelidikan penting di dalam kawasan pembangunan SCORE. Mukah yang telah dirancang untuk menjadi bandar pintar di bawah pengurusan RECODA dan penubuhan **Pusat Penyelidikan UNIMAS, Mukah** akan menjadi tumpuan utama kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan yang menyumbang terus kepada kemajuan dan pembangunan SCORE seperti yang dirancang.

Untuk melaksanakan dan menyelaras perancangan strategik korporat dan penjenamaan semula imej korporat UNIMAS dengan lebih berkesan, Unit Komunikasi Korporat akan dijenamakan semula menjadi **Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat**. Beberapa

tugas yang sebelumnya dilaksanakan oleh unit-unit lain yang berkaitan akan digabungkan dan ditempatkan di Bahagian ini. Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat akan dipertanggungjawab melaksanakan amanah-amanah berikut:

- i. Memainkan peranan penting sebagai wajah korporat UNIMAS kepada pihak luar untuk melonjakkan nama Universiti di mata umum;
- ii. Merancang perancangan korporat UNIMAS yang mantap ke arah meningkatkan visibiliti UNIMAS di persada sektor Pengajian Tinggi Negara;
- iii. Memperkuuhkan jenama UNIMAS sesuai dengan keutamaan untuk menjadi sebuah Universiti contoh di peringkat serantau; dan
- iv. Meningkatkan kedudukan Webometric UNIMAS bagi memastikan imej UNIMAS akan terus dipandang tinggi oleh pemegang taruh.

Laman Web Rasmi UNIMAS akan ditambahbaik berdasarkan kepada format STAR Ranking dan akan lebih mesra pelawat untuk menarik lebih ramai pengunjung bagi memastikan khidmat yang lebih efisien diberikan bagi layaran yang mudah dan berinformatif. Tumpuan kepada pengwujudan portal yang lebih sistematik dan mesra pengguna akan diusahakan. Harapan kita, Portal UNIMAS akan memainkan peranan penting sebagai pengiktirafan kepada pencapaian penyelidik dan menjadi tempat rujukan utama bagi pihak luar merujuk

kepada hasil pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan perundingan yang dijalankan oleh UNIMAS.

KE ARAH KECEMERLANGAN AKADEMIK

Bagi memastikan Universiti akan dapat terus bersaing dalam arus globalisasi maka mekanisme yang tepat dalam perancangan adalah diperlukan serta usaha untuk menyediakan graduan yang akan menjadi pemimpin pada masa akan datang. Penawaran kursus yang kompetitif dan memenuhi aspirasi pasaran merupakan cabaran utama yang dihadapi. Untuk itu, **proses pelaksanaan penyampaian akademik akan dikaji semula** terutama dari segi pemilihan program akademik yang ditawarkan, pendekatan pengajaran-pembelajaran serta mengintegrasikan secara pintar di antara pengajaran pembelajaran dan penyelidikan. Kita akan memastikan pengajaran dan pembelajaran akan bertindak sebagai penyumbang kepada penyelidikan dan sebaliknya bagi memastikan keseimbangan di antara kedua-dua aktiviti utama Universiti tersebut.

Untuk tujuan mempersiapkan graduan kepada dunia pekerjaan yang kompetitif, fokus harus diberikan dalam penyediaan **kurikulum yang memberi keutamaan kepada penggunaan teknologi terkini** demi memastikan penyampaian ilmu dapat dilaksanakan dengan mudah,

menarik dan berkesan. Pendekatan ini akan memberi peluang kepada kita untuk menarik minat graduan yang terdiri dari Generasi Y, untuk terus merapatkan diri dan menarik minat mereka untuk terus meneroka Ilmu yang dipelajari. **Semakan semula kurikulum** sedia ada perlu dilakukan supaya dapat melahirkan graduan UNIMAS yang berkualiti, berdikari dan mempunyai kreativiti yang tinggi dalam memastikan kebolehpekerjaan graduan yang dihasilkan.

Pada hari ini, UNIMAS mempunyai seramai 373 orang **pelajar antarabangsa** dari 44 buah negara dari seluruh dunia. Bilangan ini didapati masih kurang dari kadar 10% dari jumlah unjuran pengambilan pelajar UNIMAS seperti yang disasarkan. Dengan penekanan kepada **pendekatan yang lebih komprehensif dan promosi untuk memperkenal UNIMAS di segmentasi pasaran yang berbeza**, termasuk inisiatif terbaru untuk **menawarkan program-program bidang Kejuruteraan UNIMAS kepada pelajar antarabangsa**, ianya diharap akan mempercepatkan usaha untuk mencapai sasaran tersebut pada masa hadapan.

Penyediaan sokongan **infrastruktur dan infostruktur ICT** akan diberikan perhatian sebagai platform untuk menyuburkan aktiviti pengajaran dan penyelidikan demi memastikan UNIMAS terus relevan dan setanding dengan IPT di seluruh dunia. UNIMAS telah dikenali sebagai

Universiti Berdasarkan Teknologi dan imej tersebut perlu terus diperkasakan di mata masyarakat serantau dan antarabangsa.

Perancangan strategik juga akan diperkasakan bagi menyediakan **Seni Bina Maklumat Kampus** untuk menjadikan UNIMAS sebagai peneraju kepada pendidikan berdasarkan teknologi dengan menaiktarafkan **jaringan ICT Kampus UNIMAS kepada 1Gbps**.

Peningkatan bilangan pelajar yang drastik berkadarannya terus dengan keperluan kepada kemudahan mahasiswa UNIMAS. Sebagai Universiti yang prihatin kepada aspek penyediaan kemudahan kondusif kepada pelajar, kita menjadikan kemudahan kediaman pelajar sebagai satu keutamaan. Bagi memastikan keperluan dan keselesaan pelajar dipenuhi selain dari faktor keselamatan, Universiti telah berjaya dalam bidaan untuk perolehan 15 blok Apartment Vista Ilmu dan tambahan 4 blok lagi hasil sumbangan dari Kerajaan Negeri Sarawak, menjadikan ianya sebagai Kolej Kediaman terbaru dan dikenali sebagai **Kolej Rafflesia**. Apabila beroperasi sepenuhnya, kolej yang berkonsepkan apartment ini akan mampu menyediakan **kemudahan penginapan kepada seramai 3,276 orang pelajar** pada satu-satu masa.

Pada masa yang sama, sebuah lagi Kompleks Kolej Kediaman pelajar yang terletak di dalam Kampus Barat UNIMAS bakal siap pada penghujung tahun 2013. Kolej Kediaman yang

akan dikenali sebagai **Kolej Dahlia** berkapasiti untuk menampung 1800 pelajar, juga berkonsepkan apartment.

MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN DAN PENGAJIAN SISWAZAH

Memang menjadi harapan agar UNIMAS terus melakar kejayaan cemerlang dalam bidang penyelidikan pada tahun 2013 dan tahun-tahun yang mendatang. Untuk itu, saya berharap para **pensyarah UNIMAS** terus melipatgandakan komitmen dan kepakaran bagi memastikan mereka dapat menyerlahkan lagi UNIMAS dari segi penyelidikan. YB Menteri Pengajian Tinggi pernah menyeru agar kedudukan dan pencapaian Universiti diukur berdasarkan kepada sama ada kita kekal 'Relevant' (relevan), 'Referred' (dirujuk) dan 'Respected' (dihormati). Justeru, saya juga ingin menyeru agar penyelidikan di Universiti hendaklah relevan dengan keperluan negeri dan negara yang akan menjadikan hasilnya sentiasa menjadi rujukan serta seterusnya menjadikan UNIMAS sentiasa dihormati.

Dalam konteks berkenaan, **pembudayaan penyelidikan** akan menjadi tonggak perubahan yang perlu dilakukan. **Pertambahan akses kepada program pascasiswa** akan menyumbang kepada pertambahan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan Inovasi yang mempunyai kaitan yang rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara. Penerokaan ilmu baharu

dan hebahannya melalui jurnal-jurnal ilmiah akan meletakkan sarjana UNIMAS setanding dengan Universiti ulung di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi tahun 2013 dan tahun-tahun berikutnya, Bahagian Penerbitan akan mempergiatkan aktiviti untuk mendapatkan kerjasama para pensyarah untuk **meningkatkan penerbitan buku akademik dengan Penerbit UNIMAS**. UNIMAS mempunyai 765 staf akademik, sebahagian besar terdiri daripada Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor. Jika staf berkenaan, secara intensif dapat menerbitkan buku dengan Penerbit UNIMAS, justeru bilangan penerbitan buku dengan angka yang signifikan akan terhasil.

Pada tahun 2013, Universiti akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti dan memantapkan program siswazahnya. Pada sesi **kemasukan September 2013**, terdapat dua program baru yang akan ditawarkan iaitu **program Sarjana Perubatan (Perubatan Keluarga) dan program Sarjana Ortopedik Surgeri**.

Daripada unjuran yang telah dibuat sebelumnya, dijangkakan **enrolmen pelajar siswazah untuk tahun 2013** adalah seramai 1,431 iaitu **pertambahan 17%** daripada tahun 2012 dengan ambilan baharu diunjurkan seramai 477 orang. Kita akan cuba melaksanakan **program-program promosi sama ada secara kendiri atau dengan kerjasama UNIMAS**

Holdings untuk memastikan sasaran ini akan dapat dicapai.

Kita juga akan berusaha untuk menjadikan Pusat Pengajian Siswazah sebuah pusat yang sentiasa peka kepada keperluan pelajar pascasiswazah dan berfungsi dengan lebih cekap dengan **pewujudan unit baharu** untuk melicinkan tadbir urus pengajian siswazah Universiti. Satu daripada strategi yang perlu diambil adalah dengan **penambahan bilangan program yang berteraskan secara kerja kursus**.

KEBOLEHPEKERJAAN GRADUAN

Untuk membantu graduan UNIMAS terus bersaing dan menjadi pilihan majikan, UNIMAS akan mengambil langkah-langkah untuk **memperkuatkan program-program seperti Latihan Industri, Apprenticeship, Finishing School dan Latihan Keusahawanan** kepada siswazah. Melalui langkah-langkah memantapkan penawaran program kemahiran insaniah seumpamanya akan dapat membantu untuk melengkapkan graduan dengan nilai tambah dalam meningkatkan kebolehpasaran di dalam pasaran pekerjaan tempatan mahupun antarabangsa.

Manakala peranan **Unit Keusahawanan** dalam membimbing siswazah dalam bidang keusahawanan akan diperkasakan dengan memperkuatkan Unit Keusahawanan UNIMAS.

Dengan skop yang lebih luas, Unit Keusahawanan akan menjadi sebuah entiti yang memainkan peranan penting dalam melahirkan siswazah UNIMAS yang mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi dan berpengetahuan ke arah saranan untuk melahirkan lebih ramai graduan teknokrat dan ahli perniagaan pada masa hadapan.

MEMACU JALINAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (PEMEGANG TARUH/ STAKEHOLDER)

Universiti berperanan untuk sentiasa mendampingi dan menjalinkan kerjasama dengan masyarakat supaya melalui jalinan tersebut dapat membantu Universiti dalam menawarkan program dan kursus yang sesuai dengan keperluan masyarakat serta negara. Justeru, pihak Universiti akan mengambil langkah pragmatik dengan mewujudkan **Pejabat Jalinan Industri dan Masyarakat di bawah Pejabat Naib Canselor** untuk memainkan peranan sebagai pejabat penghubung kepada kerjasama UNIMAS - industri dan sumbangan kepada masyarakat luar UNIMAS.

Pejabat Jalinan Industri dan Masyarakat berperanan sebagai sekretariat untuk mempertingkatkan dan menyelaraskan jalinan UNIMAS dengan industri dan masyarakat dalam usaha memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan

pengembangan serta memastikan kolaborasi serta kerjasama strategik dapat dijalankan secara berterusan. Pejabat Jalinan Industri dan Masyarakat juga akan memainkan peranan penting dalam membantu UNIMAS membudayakan kesukarelawanan di kalangan staf dan pelajar dalam sumbangan kepada masyarakat setempat dan komuniti luar.

SARAWAK CORRIDOR OF RENEWABLE ENERGY (SCORE)

Kerajaan Negeri Sarawak telah berusaha untuk memacu pembangunan sosioekonomi negeri dengan melaksanakan SCORE dengan unjuran sekitar 840,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang dan tahap kemahiran serta profesionalisme akan dapat diwujudkan menjelang tahun 2030. SCORE akan memberi tumpuan kepada bidang berkaitan dengan pertanian, penernakian, aluminium, kejuruteraan marin, pelancongan, industri berdasarkan minyak, akuakultur, dan beberapa lagi. Melalui SCORE juga, Kerajaan berharap untuk meningkatkan taraf kehidupan dan menghapuskan kemiskinan di negeri Sarawak.

Sebagai menyahut seruan dalam memperhebat dan memartabatkan bidang pertanian negara untuk menarik lebih ramai generasi muda sebagai tenaga kerja mahir serta menggalakkan usahawan pertanian, UNIMAS mengorak langkah dengan mencadangkan penambahan program baharu pengajian dalam bidang pertanian dengan membangunkan **Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Sains Pertanian dan Pengurusan)** di bawah kawal sella

Teknologi Sumber. Kurikulum program ditumpukan kepada gabungan asas pertanian dan aplikasi teknologi pertanian masa kini dengan mengambil kira kedudukan negeri Sarawak yang kaya dengan kepelbagaiannya sumber pertanian.

Dengan kewujudan program berdasarkan sains tumbuhan, perladangan dan pertanian di UNIMAS, ia membolehkan pelajar membuat pilihan dan dapat menarik minat generasi muda ke arah bidang pertanian bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan menjadikan pertanian sebagai salah satu bidang utama keberhasilan ekonomi negara (NKEAs) yang hebat ke arah pencapaian transformasi negara maju menjelang 2020.

Mengikut kajian *Strategic Manpower Study for SCORE*, sasaran keperluan tenaga mahir dan separuh mahir sehingga tahun 2030 adalah 468,000 untuk keseluruhan di Sarawak, 235,000 untuk keperluan kawasan SCORE serta 94,000 untuk keperluan di 10 industri di dalam SCORE.

Justeru Universiti bercadang untuk menawarkan **program-program baru yang berteraskan teknologi kejuruteraan**. Teknologi Kejuruteraan merupakan bidang teknologi yang memerlukan aplikasi pengetahuan sains dan kejuruteraan serta kaedah yang digabungkan dengan kemahiran teknikal bagi menyokong aktiviti kejuruteraan. Matlamat program-program

ini yang akan menyediakan graduan UNIMAS dengan ilmu asas kejuruteraan dan kemahiran praktikal bagi menyokong aktiviti operasi dan penyelenggaraan dalam konteks industri akan membantu memenuhi permintaan dan peluang pekerjaan dalam industri SCORE.

PENUTUP BICARA

Kita sedar bahawa keadaan sosioekonomi, persekitaran dan cabaran-cabaran yang dihadapi sekarang akan mempengaruhi serta menentukan tatacara dan amalan yang sesuai untuk dilaksanakan bagi menghadapi tahun-tahun yang mendatang. Kita tidak lagi mempunyai kemewahan sumber yang biasa kita kecapi seperti sebelumnya. Dalam erti kata yang lain, Universiti perlu beroperasi dalam keadaan di mana sumber-sumber adalah terhad (*scarcity of the resources*).

Dengan merujuk kepada senario yang dinyatakan maka perlulah diingati bahawa kejayaan akan hanya dapat dicapai apabila kita mempunyai perancangan yang rapi, pelaksanaan dan kawalan yang berkesan, mempunyai sikap kebertanggungjawaban yang tinggi, kreatif, bekerjasama dan berkongsi sumber dalam situasi menang-menang (*win-win situation*). Dan pada masa yang sama, kita tidak seharusnya melakukan sebarang kesilapan, perlu mengelakkan konflik dan perbalahan sesama sendiri, mengurangkan segala bentuk

pembaziran dan seterusnya mencari jalan bagaimana Universiti boleh berprestasi secara "with less, we deliver more".

Akhir bicara, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua warga UNIMAS yang hadir dan sudi mendengar amanat yang menggariskan matlamat dan hala tuju yang perlu kita capai bersama. Semua perancangan dan inisiatif yang dinyatakan tidak mungkin dicapai tanpa kerjasama dan penggembangan tenaga, sumbangan buah fikiran dan kesungguhan daripada semua pihak dan semua peringkat staf UNIMAS. Saya berharap warga UNIMAS dapat menghayati dan sama-sama memikul amanah dan tanggungjawab mereka masing-masing bagi memastikan impian kita dapat direalisasikan. Saya berdoa agar kita diberi taufik dan hidayah oleh Allah SWT bagi memungkinkan hasrat, impian serta perancangan yang dinyatakan tercapai.

Sekian, terima kasih.



Bersama
Membumi Masa Depan
GEMILANG



